



<b>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS KEPINGAN KACA</b> (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <b>Insurans Kepingan Kaca</b> . (Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).	Rujukan kami : V0324
	Nama Penawar Khidmat kewangan : <b>Liberty General Insurance Berhad</b> <i>Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad</i>
	Nama Produk : <b>Insurans Kepingan Kaca</b>
	Tarikh : Mac 2024

#### Kontrak Insurans Komersial

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatian kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

#### **1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?**

Polisi ini direka untuk bangunan yang mempunyai pintu kaca, tingkap, panel kaca dan yang lain-lain.

#### **2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

**Kepingan Kaca** ialah satu pelan insurans yang melindungi kerosakan kaca tetap akibat kemalangan, yang harus dianggap biasa atau kaca biasa yang berada di premis pihak yang diinsuranskan dari apa-apa punca selain daripada yang dikecualikan secara khususnya di atas polisi ini. Jika kaca pecah (tidak termasuk kerosakan yang disebabkan oleh kecalaran) yang mana-mana jenis kaca dinyatakan di dalam Jadual Polisi, polisi ini membayar nilai intriksik kaca bersama-sama dengan kos yang diperlukan untuk menyimpan kaca tertunda pada pengantinnya.

Tempoh masa perlindungan adalah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (lajari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### **3. Berapakah premium yang perlu dibayar?**

Premium tahunan minimal ialah RM 79.50.

#### **4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

Jumlah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	25%
Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

#### **5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?**

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- anda mesti memberi notis bertulis jika berlakunya apa-apa kerosakan/ kerugian yang menyebabkan tuntutan pada Polisi ini.
- jika terdapat mana-mana insurans kepunyaan anda yang lain memberi perlindungan yang sama, maka pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar melebihi perkadarannya setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.
- anda mesti memberi notis kepada pihak kami, jika berlakunya apa-apa kemalangan yang menyebabkan tuntutan pada polisi ini dalam masa 15 hari selepas berlakunya kemalangan, atau anda akan dikecualikan dari semua hak-hak untuk mendapat tuntutan di bawah polisi ini.
- anda mesti memberitahu pihak kami dengan segera tentang sebarang perubahan dalam kegunaan harta yang diinsuranskan, supaya pihak kami boleh mentafsir risiko pendedahan.

**Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)**  
**Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 Laman Sesawang: [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)  
(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)



**6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?**

Kami adalah tidak bertanggungjawab ke atas:

- a. kaca pecah akibat kebakaran atau letupan.
- b. Kaca pecah kerana kaca tersebut belum dipasang.
- c. kerosakan rangka atau yang lain-lain.
- d. Pemindahan atau penggantian apa-apa peralatan untuk menggantikan kaca.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini)

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput.

**8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat- menyurat/maklumat peribadi saya?**

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat/ maklumat peribadi anda. Ini untuk memastikan bahawa semua korespondensi dapat menghubungi anda dengan tepat.

**9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my) atau rujuk kepada pejabat cawangan kami atau

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Liberty General Insurance Berhad**

**Liberty Insurance Tower,**  
CT9, Pavilion Damansara Heights,  
3, Jalan Damanlela,  
Pusat Bandar Damansara,  
50490 Kuala Lumpur

Tel. No. : +603 2268 3333 (General Line) or 1 300 88 8990

Emel : [customer@libertyinsurance.com.my](mailto:customer@libertyinsurance.com.my)

Laman Web : [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHWA HARTABENDA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG TEPAT. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula **Mac, 2024**.